BULETIN FKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

EDISI 2025

PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG







Message from Ketua Pusat Pengajian



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and greetings,

It is a pleasure to welcome you to the 2025 edition of Buletin FKA. This bulletin brings together the activities, achievements and memorable moments of the School of Civil Engineering, UiTM Cawangan Pulau Pinang throughout the year.

Looking back, 2025 has been a meaningful year for our School. While the achievements recorded in this bulletin deserve recognition, I believe our true strength lies in the people behind them. Every programme, student activity, research initiative and community engagement reflects the time and effort contributed by our lecturers, administrative staff, technical staff and students.

As educators, our responsibility extends beyond delivering academic content. We must prepare our students to think carefully, act professionally and respond confidently to the challenges they will encounter as civil engineers. The engineering profession continues to change, and our students must be ready to work with new technologies while remaining attentive to public safety, environmental concerns and the needs of society.

I am particularly grateful for the cooperation shown by everyone throughout the year. Some contributions are clearly visible through awards, publications and successful programmes, while many others take place quietly behind the scenes. Both are equally important to the continued success of our School.

To our students, I encourage you to make full use of every opportunity available during your time at UiTM. Academic knowledge provides the foundation, but your willingness to learn, communicate and take responsibility will shape the kind of engineer you eventually become.

I would also like to thank our alumni, industry partners and collaborators for continuing to share their knowledge and experience with us. Their involvement helps ensure that our teaching and activities remain relevant to professional practice.

Finally, congratulations to the editorial team and everyone who contributed to this edition. I hope Buletin FKA 2025 will serve as a meaningful record of our shared journey and remind us of what we can accomplish when everyone contributes.

Thank you and Wassalam.

Kapt. (PA) Ts. Dr. Muhamad Faizal bin Pakir Mohamed Latiff
Ketua Pusat Pengajian
Pengajian Kejuruteraan Awam
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Sidang Editorial:
Unit Penerbitan PKA

Ketua Editor:
Dr. Kuan Woei Keong

Editor Artikel:
Prof. Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani
Prof. Madya Dr. Noorsuhada Md Nor
Prof. Madya Ir. Dr. Ng Kok Shien
Prof. Madya Ir. Dr. Goh Lyn Dee
Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan bin Rosli@Rozli
Dr. Salina Alias
Juliana Idrus

Editor Grafik:
Ahmad Syauqi Md Hasan

Website : https://ppkapp.uitm.edu.my/buletin.php
Facebook: https://www.facebook.com/pkauitmcpp/

eISSN 2716-6325
9 772716 632004

Diterbitkan pada 17 September 2026

Civil Inter-Batch Sports Day 2.0: Misi Menjadi Batch PKA Terbaik!

Noraziyan Abd Aziz

Menjadi tradisi Academic Advisory Unit (AAU), Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA), UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP), menganjurkan program bersama antara Penasihat Akademik (PA) dan pelajar PKA. Inisiatif ini bertujuan menghimpunkan PA dan pelajar pada setiap semester bagi mengekalkan hubungan yang baik sepanjang tempoh pengajian.

Bagi semester 20254, AAU dengan kerjasama Penang Civil Engineering Student's Society (PCES) sebagai wakil pelajar telah menganjurkan satu aktiviti santai, iaitu Civil Inter-Batch Sports Day 2.0. Program ini merupakan kesinambungan kepada Civil Inter-Batch Sports Day yang pertama kali diadakan pada tahun 2023. Kali ini, warga PKA berpeluang menunjukkan semangat kesukanan bersama-sama sambil merebut gelaran batch terbaik.



Ucapan perasmian oleh KPP,
Ts. Dr. Muhamad Faizal bin Pakir Mohamed Latiff

Di bawah kelolaan Ketua Pusat Pengajian (KPP), Ts. Dr. Muhamad Faizal bin Pakir Mohamed Latiff, program ini mendapat kerjasama penuh daripada seluruh warga PKA walaupun masing-masing sibuk dengan tugasan di penghujung semester. Seramai 669 orang pelajar telah dibahagikan mengikut batch masing-masing dan mewakili lima rumah sukan, iaitu Biru, Ungu, Merah, Kuning dan Hijau di bawah seliaan gabungan PA. Program dimulakan dengan bacaan doa, nyanyian lagu Negaraku serta ucapan perasmian oleh KPP. Sesi regangan badan pula dipimpin oleh pasukan Aerodance PKA melalui aktiviti Zumba yang menceriakan suasana.



Aktiviti regangan dan Zumba oleh warga PKA

Program diteruskan dengan acara permainan utama yang dipecahkan kepada beberapa permainan mini yang memerlukan penyertaan wakil daripada setiap rumah sukan. Penyertaan yang ramai ini secara tidak langsung dapat mengeratkan kerjasama serta ukhuwah sesama peserta.

Antara permainan mini yang dijalankan serentak termasuklah lari dalam guni, lambungan kasih, skipping, batik berangkai, tuju selipar dan pelbagai lagi. Kemuncak program digamatkan dengan acara tarik tali yang melibatkan semua rumah sukan.



Permainan mini, batik berangkai



Permainan mini, acara lari dalam guni



Acara tarik tali yang melibatkan semua rumah sukan



Terdapat juga sukaneka untuk anak-anak staf PKA yang hadir memeriahkan program

Program berakhir dengan sesi penyampaian hadiah sekitar jam 1.00 tengah hari. Rumah Biru telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan, diikuti Rumah Kuning sebagai naib johan, manakala Rumah Ungu mendapat tempat ketiga. Bagi pertandingan cheers pula, kemenangan berpihak kepada Rumah Kuning, manakala juara acara tarik tali dimenangi oleh Rumah Ungu.



Rumah Biru, Johan Civil Inter-Batch Sports Day 2.0

Rumah Kuning, naib Johan Civil Inter-Batch Sports Day 2.0





Rumah Ungu, pemenang tempat ketiga Civil Inter-Batch Sports Day 2.0



Rumah Kuning, pemenang pertandingan Cheers

Secara keseluruhannya, Civil Inter-Batch Sports Day 2.0 bukan sahaja menceriakan warga PKA dengan pelbagai aktiviti menarik, malah berjaya mengeratkan lagi hubungan antara PA dan pelajar merentas batch. Suasana penuh semangat, gelak tawa dan kerjasama yang ditonjolkan sepanjang program jelas membuktikan bahawa warga PKA bukan sahaja hebat dalam akademik, tetapi juga kuat dalam semangat berpasukan. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai platform untuk memupuk ukhuwah, semangat kesukanan serta memperkukuh identiti batch dalam kalangan warga PKA UiTMCPP.



Warga Pengajian Kejuruteraan Awam